

**PENEROKAAN PERKEMBANGAN IDENTITI  
SEKSUAL GAY DALAM KALANGAN GAY DI  
MALAYSIA**

**CARMELLA E. ADING**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2020**

**PENEROKAAN PERKEMBANGAN IDENTITI  
SEKSUAL GAY DALAM KALANGAN GAY DI  
MALAYSIA**

**oleh**

**CARMELLA E. ADING**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor falsafah**

**Mac 2020**

## **PENGHARGAAN**

Saya bersyukur kepada Tuhan yang maha esa kerana belas kasih dan rahmatnya saya berjaya menyempurnakan tesis kajian ini. Perjalanan sebagai seorang pelajar yang menjalankan tesis sememangnya sangat mencabar terutamanya apabila harus mendisiplinkan diri dalam menyelesaikan pengajian. Terima kasih saya ucapkan kepada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia kerana sudi menerima saya sebagai pelajar Ijazah Sarjana Falsafah dalam bidang Kaunseling.

Penghargaan ini saya tujukan untuk Penyelia utama saya, PROFESOR MADYA DR. MOHAMAD HASHIM OTHMAN kerana membimbang saya sepanjang berada di bawah penyeliaannya. Segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan dorongan semangat tidak pernah putus untuk memastikan saya bergerak dan menyelesaikan pengajian. Saya amat berterima kasih dan tidak akan melupakannya. Semoga beliau dikurniakan kesihatan yang baik dan diberi kelimpahan berkat. Tidak lupa penghargaan yang tidak terhingga kepada Penyelia bersama, PROFESOR MADYA DR. NOR SHAFRIN BINTI AHMAD, atas keprihatinan, sokongan, dorongan dan tunjuk ajar yang diberikan sehingga mempermudahkan saya bergerak menyelesaikan pengajian saya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau. Semoga beliau diberikan kesihatan yang baik dan dimurahkan rezeki.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada suami dan keluarga atas sokongan moral dan emosi. Terima kasih kerana memahami saya dan turut membantu untuk memudahkan perjalanan pengajian saya. Terima kasih juga kerana selalu berdoa untuk saya.

Tidak lupa kepada individu yang terlibat dalam kajian saya, terima kasih yang tidak terhingga kerana sudi berkongsi pengalaman anda. Penglibatan anda semua

membantu saya menyelesaikan kajian saya dan menjawab persoalan kajian saya. Perkongsian anda semua juga membantu saya untuk lebih memahami dan mengetahui perjalanan hidup anda.

Tidak lupa saya ingin ucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan di atas segala bantuan untuk mempermudahkan semua urusan pentadbiran sepanjang pengajian saya.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat sahabat saya yang sering memberi pandangan dan berkongsi ilmu apabila saya memerlukannya. Terima kasih juga atas doa dan dorongan yang anda berikan. Saya amat menghargainya. Semoga jasa kalian mendapat berkat daripadaNya.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar belakang kajian	3
1.3    Penyataan Masalah	6
1.4    Objektif Kajian	16
1.5    Persoalan Kajian	17
1.6    Signifikan Kajian	17
1.7    Limitasi Kajian	20
1.8    Definisi Istilah	20
1.8.1    Homoseksual	20
1.8.2    Gay	21
1.8.3    Orientasi Seksual	21
1.8.4    Identiti Seksual	22
1.8.5    Konflik	22
1.8.6    Persepsi	22
1.8.7    Pendedahan Kendiri	23
1.8.8    Model Formasi Homoseksual	23
1.9    Rumusan	24

<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>25</b>
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Asal-usul Homoseksualiti	25
2.3 Peringkat Model Perkembangan Identiti Gay	27
2.3.1 Formasi Perkembangan Identiti Cass	29
2.3.2 Model Formasi Identiti Homoseksual oleh Richard R. Troiden	35
2.3.3 Model Perkembangan Proses Pendedahan Kendiri Oleh Eli Coleman	36
2.4 Teori Kaunseling Dan Homoseksualiti	43
2.4.1 Teori Psikoanalisis	43
2.4.2 Teori Pilihan ( <i>Choice Theory</i> )	45
2.4.3 Teori Kewujudan ( <i>Existential</i> )	48
2.5 Kajian Homoseksualiti dalam Sorotan Literatur	50
2.6 Rawatan dan homoseksualiti	56
2.7 Kerangka Teoritikal Kajian	59
2.8 Rumusan	60
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	<b>62</b>
3.1 Pendahuluan	62
3.2 Pendekatan Kajian	62
3.3 Rekabentuk Kajian	64
3.3.1 Kaedah Teori <i>Grounded</i>	65
3.4 Persampelan Teoritikal	68
3.5 Populasi Kajian	69
3.5.1 Pemilihan Sampel Kajian	70
3.5.2 Saiz Sampel Kajian	71
3.6 Instrumen Kajian	72
3.7 Kajian Rintis	73

3.8	Prosedur Menjalankan Kajian	75
3.9	Pertimbangan Etika	77
3.10	Pengumpulan data	78
3.11	Analisis Data	80
3.12	Rumusan	83
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>		<b>84</b>
4.1	Pendahuluan	84
4.2	Demografi Peserta Kajian	84
4.2.1	Peserta Kajian	87
4.3	Tema dan Subtema yang Dikenalpasti dalam Analisis Data	89
4.3.1	Analisis Kategori Tema Proses Perkembangan Identiti Seksual	90
4.3.2	Analisis Kategori Tema Konflik yang Dialami dan Cara Menangani Konflik	94
4.3.3	Analisis Kategori Tema Halangan Utama dan Cabaran yang Dialami Sepanjang Proses Perkembangan Identiti Seksual	97
4.3.4	Analisis Kategori Tema Persepsi Golongan Gay Terhadap Pandangan Keluarga dan Rakan ke Atas Identiti Seksual Gay	99
4.4	Persoalan Kajian	101
4.4.1	Proses Perkembangan Identiti Seksual Gay	101
4.4.1(a)	Sedar	103
4.4.1(a)(i)	Sub Tema Dorongan	104
4.4.1(a)(ii)	Sub Tema Keinginan	105
4.4.1(a)(iii)	Sub Tema Eksperimen	106
4.4.1(a)(iv)	Sub tema perasaan berbeza	108
4.4.1(b)	Penerimaan	109
4.4.1(b)(i)	Sub Tema Terima	110
4.4.1(b)(ii)	Sub Tema Penafian	115

4.4.1(c)	Sub Tema Adaptasi	122
	4.4.1(c)(i) Sub Tema Silang Peranan	123
	4.4.1(c)(ii) Sub Tema Sokongan sosial	124
	4.4.1(c)(iii) Sub Tema Kehidupan gay tertutup ( <i>discreet</i> )	125
4.4.1(d)	Penerokaan	126
	4.4.1(d)(i) Sub Tema Media	127
	4.4.1(d)(ii) Sub Tema Komuniti gay	129
	4.4.1(d)(iii) Sub Tema Kenalan gay	131
	4.4.1(d)(iv) Sub Tema Aplikasi gay	131
4.4.1(e)	Sub Tema Pendedahan Diri	132
	4.4.1(e)(i) Sub Tema Rakan	133
	4.4.1(e)(ii) Sub Tema Keluarga Nuklear	136
	4.4.1(e)(iii) Sub Tema Keluarga Sekunder	138
4.4.1(f)	Mengesahkan Diri	139
	4.4.1(f)(i) Sub Tema Makna	140
	4.4.1(f)(ii) Sub tema Kelegaan	141
4.4.2	Apakah Konflik yang Dialami oleh Individu Gay dan Cara Menangani Konflik	143
4.4.2(a)	Konflik yang Dialami	144
	4.4.2(a)(i) Sub Tema Agama	145
	4.4.2(a)(ii) Sub Tema Budaya	146
	4.4.2(a)(iii) Sub tema Keluarga	147
	4.4.2(a)(iv) Sub Tema Masyarakat	149
4.4.2(b)	Cara menangani konflik	151
	4.4.2(b)(i) Sub Tema Mengabaikan	151
	4.4.2(b)(ii) Sub Tema Berfikiran positif	153
	4.4.2(b)(iii) Sub Tema Lali	154

4.4.3	Apakah Halangan Utama dan Cabaran yang Di Alami oleh Peserta Kajian	155
4.4.3(a)	Halangan Utama.	155
4.4.3(a)(i)	Sub Tema Agama	156
4.4.3(a)(ii)	Sub Tema Keluarga	157
4.4.3(a)(iii)	Sub Tema Masyarakat	158
4.4.3(b)	Cabaran	159
4.4.3(b)(i)	Sub Tema Reaksi Negatif	159
4.4.3(b)(ii)	Sub Tema Sistem Perundangan Negara	161
4.4.4	Apakah Persepsi Golongan Gay Terhadap Keluarga dan Rakan Ke Atas Mereka Berdasarkan Pengalaman yang Dilalui Mereka.	162
4.4.4(a)	Keluarga	162
4.4.4(a)(i)	Sub Tema Jangkaan	163
4.4.4(a)(ii)	Sub Tema Pengetahuan	163
4.4.4(b)	Rakan	164
4.4.4(b)(i)	Sub Tema Stigma	165
4.4.4(b)(ii)	Sub Tema Isu Senyap ( <i>Silent Issue</i> )	166
4.4.4(b)(iii)	Sub Tema Toleransi	167
4.5	Rumusan	170
<b>BAB 5 PERBINCANGAN</b>		<b>171</b>
5.1	Pendahuluan	171
5.2	Penilaian analisis dapatan kajian	179
5.2.1	Permasalahan Kajian Satu	179
5.2.1(a)	Perbandingan antara peringkat model Cass (1979, 1984) dengan kerangka model perkembangan identiti seksual gay di Malaysia	179
5.2.1(b)	Teori Pilihan	190

5.2.1(c)	Dapatkan signifikan dalam perkembangan identiti seksual gay	proses	192
5.2.2	Permasalahan Kajian Dua		214
5.2.2(a)	Konflik		215
5.2.2(b)	Menangani Konflik		220
5.2.3	Permasalahan Kajian Tiga		222
5.2.3(a)	Halangan Utama Sepanjang Perkembangan Identiti Seksual Gay	Proses	223
5.2.3(a)(i)	Agama		223
5.2.3(a)(ii)	Keluarga		224
5.2.3(a)(iii)	Masyarakat		225
5.2.3(b)	Cabaran Sepanjang Proses Perkembangan Identiti Seksual Gay		225
5.2.3(b)(i)	Reaksi negatif		225
5.3.2(b)(ii)	Sistem perundangan negara		226
5.2.4	Permasalahan kajian empat		227
5.2.4(a)	Persepsi kepada Keluarga		227
5.2.4(a)(i)	Jangkaan keluarga		227
5.2.4(a)(ii)	Pengetahuan keluarga berkenaan identiti seksual gay		228
5.2.4(b)	Persepsi terhadap Rakan		229
5.2.4(b)(i)	Stigma		229
5.2.4(b)(ii)	Isu senyap (Silent issue)		230
5.2.4(b)(iii)	Toleransi		230
5.3	Limitasi Kajian		231
5.4	Implikasi Kajian		232
5.5	Rekomendasi Kajian Masa Hadapan		234
5.6	Rumusan		235



## **SENARAI JADUAL**

		<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Perbandingan antara Model Perkembangan Identiti Seksual	40
Jadual 3.1	Proses Pengekodan Data	83
Jadual 4.1	Maklumat Demografi Peserta Kajian	86
Jadual 4.2	Tema, Sub Tema dan Idea Utama Proses Perkembangan Identiti Seksual	90
Jadual 4.3	Kategori Tema Data Analisis Konflik yang Dialami	95
Jadual 4.4	Analisis Kategori Tema Cara Menangani Konflik	96
Jadual 4.5	Kategori Tema Data Analisis Halangan Utama dan Cabaran yang Di Alami Sepanjang Proses Perkembangan Identiti Seksual	98
Jadual 4.6	Kategori Tema Persepsi Golongan Gay Terhadap Pandangan Keluarga dan Rakan Terhadap Mereka	100
Jadual 4.7	Rumusan Dapatan Kajian Penerokaan Perkembangan Identiti Seksual Gay di Malaysia	169

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>	
Rajah 2.1	Kerangka teoritikal kajian	59
Rajah 3.1	Teknik bola salji (Snowball)	71
Rajah 3.2	Prosedur menjalankan kajian	77
Rajah 3.3	Langkah proses analisis data	81
Rajah 4.1	Tema perkembangan identiti seksual gay	102
Rajah 4.2	Tema sedar dan sub tema	103
Rajah 4.3	Tema penerimaan dan sub tema	109
Rajah 4.4	Tema adaptasi dan sub tema	122
Rajah 4.5	Tema penerokaan dan sub tema	126
Rajah 4.6	Tema pendedahan diri dan sub tema	133
Rajah 4.7	Tema mengesahkan diri	140
Rajah 4.8	Kerangka model proses perkembangan identity seksual gay	142
Rajah 4.9	Konflik dan cara menangani konflik	144
Rajah 4.10	Halangan utama yang dialami	155
Rajah 4.11	Cabaran yang dilalui peserta kajian	159
Rajah 4.12	Tema keluarga dan sub tema	162
Rajah 4.13	Tema rakan dan sub tema	165

# **PENEROKAAN PERKEMBANGAN IDENTITI SEKSUAL GAY DALAM KALANGAN GAY DI MALAYSIA**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka perkembangan identiti seksual gay dalam kalangan gay di Malaysia, mengenalpasti konflik dan cara mereka menangani konflik, mengenalpasti halangan utama dan cabaran yang dialami, serta mengkaji persepsi mereka terhadap pandangan keluarga serta rakan ke atas identiti seksual gay. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan persampelan bertujuan dan teknik bola salji. Sampel kajian terdiri daripada golongan lelaki gay yang berumur 18 tahun ke atas. Seramai enam peserta kajian terlibat dalam kajian ini. Pengumpulan data dilakukan dengan cara menjalankan sesi temubual secara mendalam dengan menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Analisis temubual dilakukan dengan menggunakan teknik analisa *grounded*. Dapatan utama kajian ini ialah penghasilan satu kerangka model perkembangan identiti seksual gay. Dapatan kerangka model ini penting kerana boleh dijadikan panduan kepada para kaunselor di Malaysia dalam mengendalikan sesi kaunseling dengan golongan gay. Selain itu, hasil dapatan dari kajian ini juga mendapati golongan gay mengalami konflik, mempunyai halangan dan cabaran sepanjang perkembangan identiti seksual mereka dan mempunyai persepsi positif dan negatif terhadap pandangan keluarga dan rakan mereka ke atas identiti seksual gay.

# **THE EXPLORATION OF GAY SEXUAL IDENTITY DEVELOPMENT AMONG GAYS IN MALAYSIA**

## **ABSTRACT**

The objectives of this study were to explore the development of gay sexual identity among gays in Malaysia, to identify their conflicts and how they handle conflicts, to identify main obstacles and challenges that they have had experienced while in the process of developing their sexual identity and to identify their perceptions on the view of their family members and friends about gay sexual identity. Qualitative approach was used in this study on the purposive sampling through snowball technique. The sample of the study were gay men aged 18 years and above. A total of six participants were involved in this study. Data were obtained through in-depth interviewed using semi-structured interview questions. Analysis of the interviews was conducted using grounded analysis techniques. The main outcome of this study was the construction of a model framework of gay sexual identity development among gays in Malaysia. It is an important finding as this model may become a tool guide for counselors who are working with gay clients in clinical setting. Apart from that, the results of this study were also yield that gay men experiencing conflict, facing obstacles and challenges throughout their gay sexual identity development, and possessing positive and negative perceptions of their family and friends views about gay sexual identity.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Homoseksual telah menjadi satu isu yang hebat diperdebatkan sejak kebelakangan ini, walaupun cara hidup homoseksual telah lama bertapak dalam kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman lagi. Dalam psikiatri, homoseksual adalah sejenis sifat orientasi seksual yang berbeza dengan tiga jenis lainnya iaitu: heteroseksual, biseksual dan aseksual (Mohd Jamil Yaacob, 2013). Golongan homoseksual dikategorikan sebagai penyakit psikatrik mengikut *Diagnostic Statistical Manual (DSM)* sebelum tahun 1973 (Alderson, 2003). Pada tahun 1973, Persatuan Psikatrik Amerika berpendapat bahawa homoseksual bukan penyakit mental dan mengambil keputusan untuk mengeluarkannya dari DSM (Bayers, dalam Alderson, 2003) dan digantikan dengan homoseksualiti ego-distonik dalam DSM-III (Rubinstein, 1995).

Karakteristik homoseksualiti ego-distonik merujuk kepada pesakit yang kurang bernafsu secara seksual dengan golongan heteroseksual. Ini menyebabkan pesakit mengalami masalah dalam mengekalkan hubungan heteroseksual dan merasa tertekan kerana terpaksa menahan keinginan nafsu homoseksualnya (American Psychiatric Association, 1980). Pada tahun 1986, Homoseksualiti Ego-distonik telah dikeluarkan dari DSM-III-R<sup>2</sup> (Rubinstein, dalam Haseley, 2011). Menurut Rubinstein (1995) Homoseksualiti Ego-distonik dikeluarkan dari DSM-III-R<sup>2</sup> kerana diagnosis ini kurang digunakan dan sikap sesetengah psikoterapis yang berfahaman liberal dapat menerima golongan homoseksual. Selain dari itu, hasil dapatan kajian berkenaan seksualiti manusia juga mencadangkan bahawa yang perlu dirawat adalah golongan

homophobia dan bukannya golongan homoseksual (Rubinstein, 1995). Apabila homoseksual dikeluarkan dari DSM-III, homoseksual tidak lagi dilihat sebagai masalah psikopatologi dan kajian berkenaan homoseksual dan perkembangan identiti homoseksual meningkat.

Homoseksual kini semakin ketara dalam masyarakat dan diterima di negara Barat. Bincian yang dilakukan oleh Gallup kepada warga Amerika yang berumur 18 tahun dan ke atas menunjukkan lebih daripada 11 juta warga Amerika mengesahkan diri mereka sebagai individu homoseksual dan bilangan ini menunjukkan peningkatan 4.5% berbanding bincian sebelumnya (Newport, 2018). Di samping itu bilangan warga Amerika yang menyokong perkahwinan sama jantina juga meningkat di mana survei yang dilakukan oleh Gallup telah menunjukkan sokongan warga Amerika meningkat dua kali ganda semenjak tahun 1996 (McCarthy, 2017). Sungguhpun wujud tentangan, kehadiran golongan homoseksual dalam masyarakat heteroseksual semakin diterima di Amerika Syarikat sementara di Asia, negara China yang dulunya tidak mengiktiraf golongan homoseksual kini telah mula menerima golongan ini (Smith, 2018). Peningkatan toleransi terhadap golongan homoseksual ini dapat dilihat dengan wujudnya undang-undang dan hak untuk berkahwin yang telah disahkan. Menurut laporan daripada Pusat Kajian Pew (2019) pertimbangan untuk mengesahkan perkahwinan sesama jenis di Eropah dan Amerika semakin meningkat, antaranya ialah Belanda, Belgium, Sepanyol, Kanada, Afrika Selatan, Norway, Perancis dan Ireland. Perubahan sikap masyarakat terutamanya di Barat yang lebih bertoleransi terhadap golongan homoseksual mungkin boleh dijelaskan melalui konsep psikologi sosial iaitu habituasi atau pembiasaan. Konsep habituasi adalah satu proses yang menjelaskan tentang perubahan suatu ransangan yang pada mulanya kuat akibat daripada satu keadaan boleh menjadi lemah apabila berlakunya pengulangan berganda. Dalam

konteks penerimaan masyarakat Barat terhadap golongan homoseksual, proses habituasi menyebabkan toleransi berlaku kerana bilangan kemunculan golongan homoseksual semakin meningkat dan wujudnya golongan aktivis yang giat memperjuangkan hak asasi homoseksualiti.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Di Malaysia, hubungan homoseksual tidak dibenarkan dan boleh dihukum sebat dan penjara sehingga duapuluh tahun (Norlizah Ahmad, Noor Azlin Mohd Sapri, Ismahalil Ishak & Juliana Paul, 2012). Berdasarkan undang-undang di Malaysia, hubungan homoseksual merupakan satu kesalahan di sisi perundangan sivil dan syariah. Dalam perundangan sivil kesalahan ini mengikut Seksyen 377A iaitu persetubuhan luar tabii. Jika disabit kesalahan, pelaku boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebat. Dalam perundangan syariah seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), kesalahan ini di bawah Seksyen 25 liwat iaitu mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu (Mohamad A'sim Ismail, 2011). Menurut Ho (1998), aktiviti homoseksual sudah lama berlaku tetapi tidak dibincangkan secara terbuka oleh masyarakat Malaysia. Apabila isu homoseksual mendapat perhatian di akhbar-akhbar tempatan, golongan homoseksual menjadi satu ancaman kepada masyarakat Malaysia dan memaksa masyarakat membincangkan isu homoseksual. Insiden pendedahan identiti gay oleh Azwan Ismail pada tahun 2010 di media sosial menimbulkan kemarahan dalam kalangan masyarakat Malaysia (Kuga Thas, 2013). Tindakan mendedahkan diri melalui media sosial oleh

sesetengah golongan gay di Malaysia menyebabkan masyarakat menyedari perlunya menangani isu ini. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyusun langkah untuk membendung budaya homoseksual di Malaysia yang didakwa semakin berleluasa (Syed Mu'az Syed Putra, 2010).

Menurut Ismail Baba (2000), individu “gay” atau lelaki melakukan seks dengan lelaki serta individu “lesbian” atau perempuan melakukan seks dengan perempuan wujud di Malaysia walaupun tidak diterima secara agama, sosial ataupun politik. Sementara Noraini Mohd Noor, Jamil Farooqui, Ahmad Abd. Al-Rahim Nasr, Hazizan Md. Noon dan Shukran Abdul Rahman, (2005) menyatakan agak sukar bagi masyarakat Malaysia menerima golongan ini disebabkan nilai agama dan tradisi, namun golongan ini tetap akan ada dalam masyarakat. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sungguhpun masyarakat Malaysia menolak golongan homoseksual, mereka tetap ada dan menjalani kehidupan seperti golongan heteroseksual. Menurut Cass (1979) di awal 1970, kajian berkenaan identiti homoseksual memberi fokus kepada jenis persempadanan identiti homoseksual dan juga berkenaan mengenalpasti jenis masalah yang dialami golongan homoseksual dan bagaimana mereka menangani masalah ini. Cass (1979) menekankan walaupun terdapat pengkaji yang menawarkan model teoritikal berkenaan proses perkembangan identiti homoseksual, tetapi kajian empirikal berkenaan bagaimana seseorang individu memperoleh identiti homoseksual masih kurang. Kajian empirikal yang terhad berkenaan proses individu memperoleh identiti homoseksual menyebabkan masyarakat tidak dapat memahami bagaimana identiti homoseksual itu berlaku. Kajian yang terhad menyebabkan Cass (1979) mengkaji proses formasi identiti homoseksual dan memperkenalkan model teoritikal enam peringkat formasi homoseksual.

Teoritikal model formasi ini telah menimbulkan minat pengkaji lain untuk membina model formasi identiti homoseksual.

Selepas Cass, ramai pengkaji turut memperkenalkan model formasi orientasi seksual untuk populasi gay, lesbian dan biseksual (Morgan, 2012). Model-model formasi identiti homoseksual yang diperkenalkan oleh pengkaji seperti Cass (1979, 1984), Troiden (1979, 1989) dan Coleman (1981) didapati membantu dalam memahami proses perkembangan identiti homoseksual (Tyler, 2002). Ini bermakna, model formasi identiti homoseksual membantu kaunselor dan terapis di negara barat memahami klien mereka dari cenderung berfikiran prejudis. Keberadaan golongan homoseksual dalam masyarakat heteroseksual memberi satu cabaran kepada kaunselor dan terapis. Ini disebabkan oleh nilai yang dipegang oleh kaunselor ke atas golongan homoseksual mampu mempengaruhi cara kaunselor memberi perkhidmatan kaunseling.

Dalam profesion kaunseling, terdapat empat aliran yang dikenalpasti sebagai kunci yang mempengaruhi cara bagaimana kaunselor membuat konsepsualisasi dan mengenalpasti bentuk intervensi yang sesuai diaplikasikan terhadap klien (Ivey, D'Andrea, Ivey & Morgan, 2007). Empat aliran tersebut bermula dari aliran psikodinamik, kognitif-tingkah laku, humanistik, dan akhir sekali aliran multi budaya dan feminis. Aliran multi budaya dan feminis merupakan aliran yang memberi penekanan terhadap pengayaan konsepsualisasi dunia klien dan memberi penekanan kepada gender, status sosio ekonomi, identifikasi etnik dan orientasi seksual atau ekspresi gender (Troutman, 2014). Aliran kelima, iaitu kaunseling keadilan sosial merupakan satu aliran baharu yang merujuk kepada perspektif yang lebih mendalam dan luas berbanding sistem perlindungan undang-undang yang diperkuatkuasakan dalam masyarakat. Ketidakadilan sosial menggabungkan isu sosial yang melibatkan

individu, keluarga, komuniti dan masyarakat yang lebih luas sehingga meliputi masyarakat antarabangsa. Ketidakadilan sosial merujuk kepada layanan tidak adil atau tidak sama rata yang disebabkan oleh perkauman, seksisme, sosio ekonomi, orientasi seksual, agama, diskriminasi atau prejedis ke atas individu tidak upaya, dan isu-isu ketidakadilan lain yang boleh mempengaruhi kualiti hidup (Chung & Bemak, 2012).

Aliran multibudaya dan feminis serta aliran kaunseling keadilan sosial menekankan pentingnya kaunselor mempunyai kompetensi apabila bekerja dengan klien terutamanya klien yang ditindas seperti golongan homoseksual. Golongan homoseksual mempunyai nilai budaya yang berbeza daripada norma masyarakat, terutamanya berkenaan pemilihan orientasi seksual sesama jenis. Pada tahun 1975, *The American Psychological Association* (APA) mencadangkan ahli psikologi bergerak aktif untuk menghapuskan stigma yang ada dalam homoseksualiti. Selaras dengan perubahan yang dibuat oleh APA, sistem perkhidmatan kesihatan mental mula merawat masalah yang dialami oleh golongan gay dan lesbian sama seperti klien golongan heteroseksual dan tidak melihat homoseksual sebagai masalah (Corey, Corey & Callanan, 2011).

### **1.3 Penyataan Masalah**

Penampilan golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) yang semakin ketara (Walton, 2000), toleransi ke atas golongan LGBT yang semakin meningkat (McCarthy, 2017; Smith, 2018) dan statistik individu yang mengenalpasti diri mereka sebagai LGBT seramai sembilan juta orang di Amerika Syarikat (National Survey of Sexual Attitudes, 2014) dapat menggambarkan kepentingan kaunselor ataupun psikoterapis untuk kompeten terutamanya apabila bekerja dengan golongan ini.

Di Malaysia, statistik bagi golongan transgender yang celik huruf sahaja adalah seramai 30,000 (Uthaya Sankar, 2013). Di samping itu, laporan Majlis Aids Malaysia (2011), menganggarkan lebih kurang 173,000 orang lelaki yang melakukan seks dengan lelaki tinggal di Malaysia dan mempunyai kelaziman 7% jangkitan *human immunodeficiency virus* (HIV). Jumlah populasi golongan gay yang ramai ini boleh menggambarkan golongan ini berpotensi menjadi klien kepada kaunselor di Malaysia. Oleh itu, sama ada suka atau tidak, kaunselor perlu mengendalikan isu atau permasalahan golongan gay dalam seting klinikal. Ketidakcekapan kaunselor dalam menangani isu berkaitan homoseksual khususnya gay menjadikan kaunselor kurang kompeten dan tidak profesional. Oleh yang demikian, kaunselor perlu mempunyai kemahiran untuk bekerja dengan golongan homoseksual selaras dengan apa yang telah digariskan dalam kod etika kaunselor yang menekankan kaunselor perlu memperoleh ilmu pengetahuan, kesedaran peribadi, sensitiviti dan kemahiran, yang berkaitan dengan perkhidmatannya melalui pelbagai klien (Lembaga Kaunselor Malaysia, 2011). Kod etika kaunselor juga menggariskan kaunselor perlu sedar tentang kepentingan memperoleh dan mengekalkan kompetensi berterusan mengenai maklumat saintifik dan profesional terkini dalam bidang mereka. Ini termasuklah sentiasa kemas kini dengan maklumat mengenai populasi pelbagai dan khusus yang mereka kendali (Lembaga Kaunselor malaysia, 2011). Ini bermakna kaunselor perlu menimba pengetahuan dan meningkatkan kemahiran diri terutamanya dalam perkara populasi pelbagai budaya seperti populasi homoseksual.

Di negara barat model formasi identiti seksual golongan homoseksual telah diperkenalkan sebagai panduan untuk memahami golongan homoseksual dan menurut kajian lepas model ini dapat mengurangkan sikap prejedis dan diskriminasi dalam seting klinikal (Tyler, 2002). Di Malaysia model formasi identiti seksual belum ada

dan ini boleh menyebabkan kaunselor cenderung prejudis kepada klien homoseksual khususnya golongan gay kerana populasi golongan gay yang tinggi.

Pengkaji telah menjalankan satu tinjauan pantas (*quick review*) berkenaan pengetahuan model formasi pembentukan homoseksual di sebuah institusi pengajian tinggi dan satu jabatan kerajaan di Sabah pada 11 November 2015. Responden kajian adalah terdiri daripada kaunselor, pelajar tahun akhir program sarjana muda Psikologi Kaunseling, pelajar sarjana Kaunseling yang bekerja sebagai kaunselor, dan pensyarah program Psikologi Kaunseling. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sekiranya kaunselor dan bakal kaunselor pernah mengendalikan sesi kaunseling dengan golongan homoseksual, tahu wujudnya model formasi pembentukan homoseksual dan persepsi kaunselor dan bakal kaunselor ke atas golongan homoseksual. Seramai 116 responden telah mengambil soal selidik pantas ini dan dari 116 responden, seramai 20 responden pernah mendapat klien gay atau lesbian. Dapatan ini menunjukkan bahawa kaunselor telahpun mendapat klien daripada golongan gay ataupun lesbian. Oleh itu, persediaan kaunselor untuk bekerja dengan golongan ini dalam seting klinikal adalah penting. Ini adalah kerana persediaan, kemahiran dan pengetahuan berkenaan gay dan lesbian adalah asas kepada pembinaan hubungan klinikal yang baik. Kaunselor yang mempunyai latihan kemahiran dan pengetahuan bekerja dengan golongan gay dan lesbian akan lebih fokus kepada isu sebenar klien dan sikap prejudis ke atas klien gay atau lesbian dapat dielakkan.

Kompetensi kaunselor sering diberi penekanan dalam seting klinikal terutamanya apabila klien merupakan golongan marginal. Sebagai contoh perspektif kaunseling multibudaya dan feminis menekankan beberapa isu dalam konsepsualisasi terhadap klien. Salah satu isu tersebut adalah orientasi seksual klien. Dalam mempertimbangkan perspektif multi budaya, Arredondo et al., (1996) telah

menetapkan satu kaedah yang boleh digunakan untuk perspektif ini. Kefahaman kaunselor bagaimana klien melihat dunianya adalah kaedah yang paling penting dan banyak digunakan. Komponen pengetahuan kaunselor juga penting dalam memperkuuhkan kompetensi perspektif multi budaya dan kaunselor perlu mempunyai pengetahuan yang spesifik ke atas kelompok yang dikendalikan. Di samping itu, kaunselor perlu sedar akan tekanan daripada masyarakat yang boleh membawa impak maladaptif ke atas perkembangan klien mereka. Dalam perspektif kaunseling keadilan sosial, Lee dan Walz (1998) menyatakan tanggungjawab psikoterapis dan kaunselor adalah untuk menangani signifikan sosial, budaya, dan cabaran ekonomi yang boleh memberi impak negatif ke atas kesejahteraan psikososial dan perkembangan klien. Chung dan Bemak (2012) mencadangkan pekerja kesihatan mental dan kaunselor perlu mempunyai etika dan tanggungjawab moral untuk bekerja kearah keadilan sosial dan menangani masalah sosial yang lebih besar dalam konteks terapeutik. Ini memerlukan pekerja kesihatan mental dan kaunselor untuk memahami hubungan antara kognitif dan kefungsian afektif dan tingkahlaku serta interaksi dalam persekitaran dunia mereka yang lebih besar (Chung & Bemak, 2012). Chung dan Bemak (2012) menambah sekiranya profesion menolong seperti kaunselor yang komited kepada kompetensi kaunseling multibudaya, maka ia mempunyai pautan semulajadi untuk komited kepada keadilan sosial. Ini adalah selaras dengan penyataan Sue *et al.* (1998) multi budaya berkenaan keadilan sosial, demokrasi budaya, dan ekuiti. Aliran multibudaya dan feminis serta aliran kaunseling keadilan sosial menekankan kompetensi kaunselor apabila bekerja bersama golongan minoriti. Oleh itu penting bagi kaunselor di Malaysia untuk lebih kompeten dan bersedia bekerja dengan golongan minoriti terutamanya apabila melibatkan ketidakadilan sosial.

Tekanan daripada masyarakat terhadap golongan homoseksual boleh membawa maladaptif kepada golongan minoriti ini. Kajian Baker dan Garcia (2012), mendapati golongan homoseksual bukan sahaja mengalami penindasan dan diskriminasi, malah kadar tahap bunuh diri yang tinggi termasuklah mangsa serangan ganas. Pengalaman-pengalaman negatif yang dialami mempengaruhi kesejahteraan psikologi golongan homoseksual ini (Hatzenbuehler, McLaughlin, Keyes, & Hasin, 2010). Menurut Rosario, Schrimshaw, Hunter dan Braun (2006), golongan individu homoseksual yang membesar dalam komuniti menentang homoseksual secara terbuka boleh membawa pelbagai masalah kepada remaja LGBT seperti peningkatan masalah kesihatan, kemerosotan prestasi di sekolah, ponteng, lari dari rumah, penyalahgunaan substans, konsultasi dengan pekerja profesional kesihatan mental, pelacuran remaja, rawatan psikiatrik, pendedahan kendiri, seksualiti dan penyakit kelamin, gangguan, keganasan, buli dan bunuh diri (Crisp & McCave, 2007; Little, 2001; Vare & Norton, 1998).

Dapatan kajian lepas menunjukkan prejudis dan diskriminasi yang di alami oleh golongan homoseksual memberi kesan memudaratkan kesejahteraan psikologi dan minda mereka (Peltzer & Pengpid, 2016). Sebagai kaunselor professional yang bertanggungjawab dalam mensejahterakan kehidupan klien, kaunselor perlu memahami keunikan isu LGBT. Berfikiran prejudis terhadap klien dan bersikap diskriminasi bukan amalan seorang kaunselor yang profesional. Kaunselor perlu bersikap terbuka dan menerima semua klien tanpa sebarang syarat. Ini termasuklah memberi peluang yang sama dan menghormati semua individu tanpa mengira orientasi seksual dan identiti gender individu tersebut. Lembaga Kaunselor Malaysia (2011) telah menggariskan bahawa kaunselor hendaklah sedar akan nilai, sikap, kepercayaan, dan tingkah laku mereka dan menghindari daripada memaksa terima nilai yang tidak

tekal dengan matlamat kaunseling. Kaunselor juga hendaklah menghormati kepelbagaiannya klien. Sebagai contoh, kaunselor profesional sekolah bekerja untuk menghapuskan halangan yang boleh menyekat perkembangan dan pencapaian pelajar, komited kepada akademik, personal dan sosial serta perkembangan kerjaya setiap pelajar (*American School Counselor Association, 2016*). Ini menunjukkan sebagai kaunselor di sekolah, mereka bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan mental pelajar diutamakan agar pelajar dapat memberi fokus kepada pembelajaran mereka. Ini termasuklah menangani isu homoseksualiti dalam kalangan pelajar sekolah kerana isu ini mampu menyekat perkembangan dan pencapaian pelajar serta berkemungkinan memudaratkan kesejahteraan pelajar.

Pembabitan pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan homoseksual juga berlaku di Malaysia. Jaringan Melayu Malaysia (JMM) mendapati sebanyak 21 laporan polis telah dibuat sepanjang tahun 2011 berkenaan pembabitan pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks sejenis (Kamil Maslih, 2012). Dapatan laporan ini memberi satu amaran bahawa gejala homoseksual di sekolah telah berlaku dan memberi cabaran kepada kaunselor sekolah untuk mengendalikan kes pelajar gay atau lesbian. Oleh itu, kaunselor perlu mempersiapkan diri dalam memberi perkhidmatan profesional yang beretika kepada golongan homoseksual.

Menurut Pachankis dan Golfried (2004) sebagai terapis, adalah penting untuk menyedari masalah klien lesbian, gay dan biseksual tidak semestinya intrinsik kepada orientasi seksual mereka sebaliknya terapis perlu memahami bahawa masalah klien lesbian, gay dan biseksual boleh berpunca dari reaksi negatif masyarakat ke atas orientasi homoseksual. Justeru, *American Psychological Association* (dalam Corey, Corey & Callanan, 2011) menegaskan bahawa kaunselor atau terapis yang bekerja

dengan golongan gay, lesbian atau biseksual mempunyai tanggungjawab untuk memahami keperluan khas golongan ini dan wajib secara beretika membina pengetahuan atau kemahiran dalam memberi perkhidmatan yang cekap.

Di Malaysia, kajian berkenaan kesejahteraan psikologi golongan homoseksual adalah terhad dan sukar didapati dalam bentuk penulisan ilmiah. Namun, berasaskan kajian di luar negara yang lebih terbuka dengan isu homoseksual dan laporan *Amnesty International 2001* yang menyatakan bahawa Malaysia merupakan salah satu dari 70 buah negara yang menganggap homoseksual adalah satu jenayah dan golongan homoseksual mengalami penindasan (Dworkin & Yi, 2003). Ini memberi gambaran bahawa pengalaman negatif, penindasan dan tekanan daripada masyarakat yang menolak golongan homoseksual menyumbang kepada stres melampau dan kecenderungan membunuh diri dalam kalangan homoseksual. Gambaran kecenderungan membunuh diri ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan Kuga Thas (2013) bahawa golongan homoseksual dewasa dan golongan homoseksual remaja di Malaysia mempunyai kecenderungan untuk mengalami depresi dan bunuh diri akibat daripada tekanan masyarakat. Ini termasuklah pelajar homoseksual di universiti seperti dalam dapatan kajian Peltzer dan Pengpid (2016) dimana mereka mendapati golongan pelajar homoseksual universiti di Malaysia dan empat buah negara Asia lain telah melaporkan mengalami masalah mental, percubaan membunuh diri, penyalahgunaan dadah dan alkohol. Oleh yang demikian, sudah sampai masanya untuk kaunselor di Malaysia bersikap lebih terbuka dan menerima golongan homoseksual sebagai klien mereka. Menerima klien homoseksual dalam perkhidmatan kaunseling tidak membawa maksud pengkaji bersetuju dengan hubungan songsang ini, tetapi lebih kepada membantu golongan ini untuk hidup lebih sejahtera dan mengurangkan kemudaratan. Ini selaras dengan Kod Etika Kaunselor di mana Lembaga Kaunselor

Malaysia telah menggariskan bahawa Kaunselor hendaklah menghindari daripada memudaratkan klien dan berusaha untuk meminimumkan atau memulihkan kemudaratan yang tidak dapat dielak atau yang tidak diduga (Lembaga Kaunselor, 2011).

Kajian pantas (*quick survey*) terhadap kaunselor dan bakal kaunselor yang dijalankan oleh pengkaji dan telah dibincangkan di awal penulisan (rujuk ms 8), mempunyai item untuk melihat sekiranya responden pernah memikirkan bagaimana proses identiti orientasi seksual golongan homoseksual terbentuk dan melihat pengetahuan responden berkenaan model formasi pembentukan homoseksual. Dapatan kajian menunjukkan dari 116 responden, 81.9 peratus responden pernah memikirkan bagaimana identiti homoseksual terbentuk. Bagi item berkenaan model formasi pembentukan identiti homoseksual, dari 116 responden 9 peratus menjawab ya, 47 peratus tidak pasti dan 60 peratus tidak pernah. Pengkaji bertanya kepada responden yang tahu berkenaan model formasi pembentukan homoseksual. Maklumbalas yang diterima daripada responden ialah pengetahuan mereka berasaskan teori perkembangan personaliti yang terdapat di dalam buku psikologi yang membincangkan faktor-faktor penyebab. Apabila pengkaji bertanya sekiranya responden pernah mendengar model formasi proses perkembangan orientasi homoseksual, Responden menyatakan tidak pernah. Dapatan kajian pantas ini menunjukkan bahawa terdapat kaunselor dan bakal kaunselor yang belum pernah mendengar model formasi homoseksual. Ini telah memberi gambaran bahawa kaunselor dan terutamanya novis kaunselor masih perlu mempertingkatkan kompetensi mereka dan membuat persediaan diri untuk memberi perkhidmatan profesional apabila bekerja dengan golongan homoseksual.

Satu kajian dijalankan oleh Siti Hajar Jamal, Salleh Amat, Nasrudin Subhi dan Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2018a) bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi kaunselor dalam menangani kes kaunseling gay dan lesbian di Malaysia. Responden kajian terdiri daripada 15 kaunselor berdaftar dan mempunyai pengalaman dalam menjalankan kaunseling yang melibatkan klien gay dan lesbian. Dapatan kajian menunjukkan kaunselor mempunyai i) pengetahuan dan memahami golongan gay dan lesbian, ii) maklumat berkenaan gay dan lesbian iii) aplikasi definisi atau terma, iv) kemahiran kaunseling asas v) kemahiran komunikasi vi) sikap keterbukaan dan vii) sikap keterbukaan tanpa syarat. Ini bermakna kaunselor di Malaysia sedar berkenaan kompetensi dalam memberi perkhidmatan kaunseling kepada golongan gay dan Malaysia. Walau bagaimanapun tahap kompetensi kaunselor di Malaysia berkaitan perkhidmatan kaunseling yang melibatkan kes seksualiti masih rendah berbanding dengan kaunselor luar negara. Ini mungkin disebabkan kes seksualiti kurang mendapat perhatian dan hanya pada kes terpencil dalam kalangan kaunselor. Dapatan kajian Siti Jamal *et al.* (2018a) membuktikan masih ramai kaunselor di Malaysia kurang selesa mengendalikan kes gay dan lesbian.

Proses perkembangan identiti seksual gay, lesbian, atau biseksual adalah suatu proses yang kompleks dan sukar (Rosario, Schrimshaw, Hunter & Braun, 2006). Ini mungkin disebabkan persepsi negatif masyarakat heteroseksual ke atas golongan homoseksual. Di negara barat, model perkembangan identiti homoseksual dibina untuk membantu kaunselor atau terapis memahami proses yang dilalui oleh golongan homoseksual. Model formasi identiti homoseksual yang dibina oleh Cass (1979), Troiden (1989), Coleman (1981) dan pengkaji-pengkaji lain telah membincangkan dan menjelaskan perkembangan proses formasi identiti homoseksual sehingga menjadi satu identiti. Menurut Tyler (2002) model formasi identiti homoseksual membantu

golongan kaunselor atau terapis memahami klien homoseksual. Oleh itu, walaupun adanya isu klinikal apabila bekerja dengan klien homoseksual, dapat diandaikan kaunselor yang memahami model formasi identiti homoseksual dapat mengurangkan prejudis dan tingkah laku negatif mereka.

Berbanding dengan perkhidmatan kaunseling di Malaysia, penggunaan model formasi identiti homoseksual yang berasaskan konteks Malaysia sebagai panduan dalam menjelaskan tentang proses perkembangan identiti homoseksual masih belum disediakan. Sungguhpun terdapat model formasi identiti homoseksual di luar negara, namun model-model tersebut adalah berlandaskan budaya dan persekitaran masyarakat barat. Selain berlandaskan budaya dan persekitaran masyarakat barat, model formasi yang diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji awal mempunyai proses tahap yang berbeza. Sebagai contoh, Cass (1979) memperkenalkan enam peringkat perkembangan orientasi seksual homoseksual dalam model teoritikal identiti homoseksual. Enam peringkat tersebut adalah kekeliruan identiti, perbandingan identiti, toleransi identiti, penerimaan identiti, kebanggaan identiti dan sintesis identiti. Troiden (1979) memperkenalkan empat peringkat perkembangan dalam model formasi identiti homoseksual iaitu sensitiviti, disosiasi dan signifikan, pendedahan kendiri dan komitmen. Coleman (1981) memperkenalkan lima peringkat perkembangan identiti seksual iaitu pra pendedahan kendiri, pendedahan kendiri, penerokaan, hubungan pertama, dan intergrasi.

Proses dan tahap berbeza ini menunjukkan adanya perbezaan tahap antara model formasi perkembangan orientasi seksual yang diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji di barat. Oleh yang demikian, usaha awal perlu dilakukan untuk memahami perkembangan identiti homoseksual khususnya gay dengan membina kerangka model proses perkembangan identiti seksual di Malaysia. Pembinaan kerangka model proses

perkembangan identiti seksual ini tidak bertujuan untuk menyokong orientasi seks gay tetapi ianya bertujuan untuk membantu para kaunselor lebih memahami klien gay dan mempertingkatkan lagi kompetensi diri kaunselor dalam mengendalikan perkhidmatan kaunseling secara profesional kepada golongan minoriti ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Laporan Majlis Aids Malaysia (2011), menganggarkan lebih kurang 173,000 orang lelaki yang melakukan seks dengan lelaki tinggal di Malaysia dan mempunyai kelaziman 7% jangkitan *human immunodeficiency virus* (HIV). Namun demikian, bilangan sebenar golongan gay di Malaysia berkemungkinan lebih tinggi kerana tidak semua golongan gay melaporkan identiti seksual mereka. Bilangan populasi golongan gay yang dilaporkan oleh Majlis Aids Malaysia (2011) menggambarkan kecenderungan kaunselor untuk mendapat individu gay sebagai klien adalah tinggi. Oleh itu objektif kajian ini akan memberi fokus kepada golongan gay.

Pengkaji berminat untuk meneroka bagaimana identiti seksual gay berkembang bermula dari proses mereka sedar adanya tarikan seksual sesama jenis, bagaimana mereka melalui proses tersebut, dan apakah tahap-tahap atau peringkat yang dilalui oleh mereka sebelum mereka mengambil keputusan untuk mendedahkan diri (*coming out*) sebagai gay. Dalam masa penerokaan ke atas golongan gay ini, pengkaji juga akan dapat mengenalpasti proses bagaimana mereka mengadaptasi identiti orientasi seksual gay dalam masyarakat di Malaysia yang berpendapat LGBT adalah satu orientasi songsang dan tersasar daripada ajaran agama dan norma masyarakat. Hasil daripada penerokaan proses pembentukan orientasi seksual gay, pengkaji dapat merangka pembentukan kerangka model orientasi seksual gay di Malaysia. Oleh yang demikian, objektif kajian adalah seperti berikut:

- (a) Mengkaji proses perkembangan identiti seksual yang dialami oleh golongan gay
- (b) Mengenalpasti konflik yang dialami golongan gay dan cara menangani konflik
- (c) Mengenalpasti halangan utama dan cabaran yang dialami sepanjang proses perkembangan identiti seksual
- (d) Mengkaji persepsi golongan gay terhadap pandangan keluarga dan rakan ke atas identiti seksual gay

### **1.5 Persoalan Kajian**

Objektif kajian pengkaji akan menjawab persoalan kajian berikut;

- (a) Apakah proses perkembangan identiti seksual yang dialami oleh golongan gay?
- (b) Apakah konflik yang di alami sepanjang proses perkembangan identiti seksual gay dan bagaimanakah mereka menangani konflik tersebut?
- (c) Apakah halangan utama dan cabaran yang di alami oleh individu gay?
- (d) Apakah persepsi golongan gay terhadap pandangan keluarga dan rakan ke atas identiti seksual gay?

### **1.6 Signifikan Kajian**

Berdasarkan laporan bilangan gay yang dikeluarkan oleh Majlis Aids Malaysia (2011) keperluan perkhidmatan kaunseling kepada golongan gay semakin meningkat. Hasil kajian ini membantu pengkaji untuk mendapatkan data maklumat berkenaan makna pengalaman yang dialami oleh golongan gay sepanjang melalui proses perkembangan identiti seksual mereka. Data kajian ini juga dapat menyumbang

kepada pembentukan kerangka model proses perkembangan identiti seksual gay di Malaysia. Kerangka model ini akan membantu para kaunselor dan novis kaunselor memahami klien gay dalam seting klinikal dan secara langsung membantu kaunselor terutamanya novis kaunselor yang masih belum cukup pengalaman menangani kes klien. Dengan adanya kerangka model ini, kaunselor dan novis kaunselor dapat memberi fokus kepada permasalahan sebenar klien dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih kompeten dan profesional.

Selain daripada kaunselor dan terapis, hasil kajian ini juga dapat digunakan sebagai rujukan kepada para akademik di institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah untuk memahami dan mengenalpasti proses yang terlibat dalam perkembangan identiti seksual gay di kalangan pelajar sekolah dan universiti. Stigma dan persepsi negatif masyarakat mempengaruhi kehidupan individu gay dan boleh mempengaruhi psikososial mereka (Peltzer & Pengpid, 2016). Oleh itu, stigma dan persepsi negatif masyarakat boleh menyumbang kepada diskriminasi dan prejudis sehingga mampu menghasilkan tingkahlaku maladaptif seperti pengasingan diri dan tekanan kepada golongan gay. Hasil kajian ini dapat membantu ahli akademik untuk melihat perkaitan proses perkembangan identiti seksual dengan psikososial individu dan mengenalpasti makna dalam setiap tahap perkembangan yang dialami individu gay. Dengan mengenal pasti peringkat proses perkembangan identiti gay, ahli akademik dapat merangka kaedah yang lebih tepat dan kurang memudaratkan kesejahteraan psikologi golongan gay dalam menangani isu psikososial golongan gay khususnya dan homoseksual amnya.

Hasil kajian ini juga memberi manfaat kepada badan-badan kerajaan yang berfokuskan kepada kesejahteraan minda dan gejala sosial seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Jabatan-Jabatan ini

memerlukan satu panduan yang boleh membantu dalam memahami gejala gay dan merangka modul yang boleh membantu jabatan-jabatan ini menangani gejala gay dengan tepat. Sebagai contoh, kerangka model yang dihasilkan dalam kajian ini menunjukkan proses pertama yang dialami oleh golongan gay adalah mereka sedar mereka tertarik dengan sama jantina seawal umur 12 tahun. Mereka mengalami kekeliruan dengan apa yang berlaku kepada mereka dan reaksi dari itu mereka akan mengalami konflik dan konflik ini akan berterusan berdasarkan persekitaran sosial mereka. Dengan mengenal pasti proses yang berlaku dalam diri mereka, pekerja sosial mahupun pekerja kesihatan mental dapat memahami dunia mereka dan memberikan rawatan klinikal yang bersesuaian.

Persatuan *Non-govermental organization* (NGO) yang bekerja dengan golongan gay seperti Majlis Aids Malaysia, *Pink triangle*, dan lain-lain badan sukarela juga mendapat manfaat dari hasil kajian ini kerana mereka dapat memahami dan bekerja dengan lebih efektif ke atas golongan gay. Laporan Statistik Majlis Aids Malaysia (2016) menunjukkan peningkatan jangkitan HIV dalam kalangan gay. Oleh yang demikian adalah penting untuk para pekerja atau sukarelawan di badan sukarela memahami makna dan proses yang berlaku dalam perkembangan identiti seksual gay agar mereka dapat memberikan perkhidmatan rawatan klinikal secara profesional dan mengenepikan pemikiran prejedis serta menghukum golongan minoriti ini.

Akhir sekali, hasil kajian ini juga boleh memberi pengetahuan berkenaan wujudnya proses perkembangan identiti seksual gay kepada ibu bapa atau penjaga generasi sekarang dan masa depan. Dengan pengetahuan yang didapati, ibu bapa dan penjaga boleh menangani masalah yang dihadapi oleh anak remaja mereka dengan lebih awal dengan cara yang betul tanpa merosakkan kesejahteraan psikologi anak mereka.

## **1.7 Limitasi Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga limitasi yang dikenalpasti oleh pengkaji. Pertama kajian ini memberi fokus kepada golongan gay sahaja. Oleh yang demikian hasil kajian tidak merangkumi golongan lesbian, biseksual dan transeksual. Limitasi kajian yang kedua, masyarakat Malaysia masih memandang tinggi tentang moral dan ajaran agama, maka golongan gay merupakan golongan yang terpinggir dalam masyarakat, oleh itu pengkaji mendapat kesukaran untuk mendapatkan responden gay. Dalam kajian ini enam orang individu gay telah bersetuju untuk menjadi responden. Dalam kajian kualitatif, bilangan responden adalah mencukupi dalam memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam sesuatu konteks budaya, asalkan responden mempunyai tahap bidang kepakaran yang dikaji (Romney, Batchelder & Weller, 1996). Limitasi kajian yang terakhir, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, di mana pengkaji lebih berminat untuk meneroka proses pembentukan orientasi seksual gay di Malaysia, dan ini menyebabkan bilangan responden dalam kajian ini adalah terhad.

## **1.8 Definisi Istilah**

Berikut definisi istilah yang digunakan pengkaji dalam penulisan kajian ini.

### **1.8.1 Homoseksual**

Menurut West (2008), homoseksualiti bermaksud pengalaman individu yang tertarik secara erotik kepada golongan sama jantina dan lelaki atau wanita yang lazimnya mengalami kecenderungan yang kuat ke atas perasaan erotik kepada golongan sama jenis. Manakala Gus Arifin (2010) pula menyatakan homoseksual

adalah kata sifat yang digunakan untuk hubungan intim dan hubungan seksual di antara sesama jantina.

Dalam kajian ini, homoseksual merujuk kepada individu yang mempunyai perasaan tertarik secara erotik kepada sama jantina. Golongan homoseksual menggunakan terma Lesbian, gay, biseksual, transeksual dan *queer* (LGBTQ) untuk membezakan bentuk orientasi seksual yang terdapat dalam budaya mereka. Pengkaji akan menggunakan homoseksual apabila merujuk kepada lelaki gay dan perempuan lesbian.

### **1.8.2 Gay**

Gay merujuk kepada lelaki yang tertarik secara seksual kepada dan terangsang dengan lelaki (Gay, t.t.).

Dalam kajian ini gay merujuk kepada individu lelaki yang tertarik secara seksual dan terangsang dengan fizikal lelaki, mempunyai perasaan intim dan romantik kepada individu lelaki sahaja dan mengesahkan diri mereka sebagai individu gay.

### **1.8.3 Orientasi Seksual**

Menurut APA (2008), orientasi seksual adalah merujuk kepada wujudnya corak emosi, romantik dan/atau tarikan seksual ke atas lelaki, perempuan ataupun kedua-dua jantina. Menurut APA (2008) juga, orientasi seksual juga merujuk kepada identiti individu berdasarkan tarikan seksual, tingkahlaku dan keahlian dalam suatu komuniti yang berkongsi dengan minat tarikan seksual yang sama. Lazimnya orientasi seksual membincangkan tiga kategori tarikan seksual iaitu heteroseksual, homoseksual dan biseksual.

Untuk kajian ini, orientasi seksual merujuk kepada individu lelaki yang sedar dan tahu mereka mempunyai tarikan seksual dan perasaan romantik dengan sama jantina sahaja.

#### **1.8.4 Identiti Seksual**

Identiti seksual merupakan satu konsep yang kompleks di mana melibatkan faktor biologi, peranan gender, pengaruh budaya sosial dan orientasi seksual apabila dikaitkan dengan perkembangan seksual (Edwards & Brooks, 1999). Dalam kajian ini, identiti seksual merujuk kepada individu gay yang telah mengesahkan diri sebagai gay dan telah memaklumkan kepada rakan atau keluarga mereka.

#### **1.8.5 Konflik**

Konflik didefinisikan sebagai satu situasi di mana dua atau lebih pihak melihat matlamat atau minat mereka bertentangan di antara satu sama lain dan mengambil keputusan untuk bertindak berdasarkan persepsi mereka (Bar-tal, 2011). Dalam kajian ini konflik adalah merujuk kepada percanggahan pemikiran yang dialami oleh individu gay berkenaan orientasi seksual dan identiti seksual mereka serta reaksi dan pandangan keluarga dan rakan-rakan mereka berkenaan identiti seksual gay.

#### **1.8.6 Persepsi**

Dalam psikologi, persepsi merujuk kepada proses atau hasil yang diperolehi akibat dari menyedari sesuatu objek, hubungan dan peristiwa berdasarkan deria yang mana melibatkan aktiviti mengenal pasti, memerhati dan mendiskriminasi. Aktiviti ini membolehkan organisma untuk menyusun dan mentafsir rangsangan yang diterima kepada pengetahuan yang bermakna dan melakukan tindakan yang selaras (*Perception, t.t.*)

Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada bagaimana individu gay mentafsir pandangan masyarakat, keluarga dan rakan mereka berkenaan identiti seksual gay.

### **1.8.7 Pendedahan Kendiri**

Dalam literatur saintifik dan literatur popular lesbian dan gay, terma pendedahan kendiri adalah merujuk kepada proses dan peristiwa tertentu dalam proses formasi identiti. Namun pengkaji awal seperti Cronin (1974) dan Dank (1971) mendefinisikan pendedahan kendiri itu adalah sebagai satu peristiwa di mana identifikasi pertama individu itu sebagai homoseksual (Rust, 1993). Manakala ahli teoris terkini mengkonsepsualisasikan pendedahan kendiri adalah satu proses, dan mencadangkan model perkembangan proses tersebut (Rust, 1993).

Dalam kajian ini, pendedahan kendiri atau *coming out* adalah merujuk kepada proses di mana individu mengakui, menerima orientasi seksualnya, memberitahu orientasi seksualnya kepada individu lain dan mengesahkan identiti seksual gay.

### **1.8.8 Model Formasi Homoseksual**

Model formasi homoseksual adalah merujuk kepada proses perkembangan linear yang dialami oleh lelaki gay atau perempuan lesbian. Antara model terawal adalah model yang telah diperkenalkan oleh pengkaji Cass (1979), Troiden (1979) dan Coleman (1981).

Dalam kajian ini, model formasi homoseksual merujuk kepada satu panduan yang menerangkan proses perkembangan identiti seksual gay.

## **1.9 Rumusan**

Bab ini membincangkan berkenaan kajian yang hendak dikaji oleh pengkaji. Topik yang dibincangkan dalam bab ini adalah pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, signifikan kajian, limitasi dan definisi istilah. Model formasi perkembangan identiti homoseksual khususnya Model formasi identiti homoseksual yang diperkenalkan oleh Cass (1979) akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2 untuk menjelaskan sebab pengkaji menggunakan Model ini sebagai panduan dalam pembinaan soalan temuramah kajian.

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan teori kaunseling dan homoseksualiti. Pengkaji akan membincangkan teori Psikoanalisis, teori pilihan (*Choice Theory*) dan teori kewujudan (*Existential*), sejarah homoseksualiti, tiga model perkembangan orientasi seksual homoseksual yang diperkenalkan oleh pengkaji awal di barat, model perkembangan orientasi seksual terkini, kajian literatur berkaitan homoseksual, dan rumusan.

#### **2.2 Asal-usul Homoseksualiti**

Asal-usul seksualiti manusia, dan khususnya homoseksualiti, menjadi teka-teki kepada ahli falsafah, ahli teologi dan masyarakat selama beribu tahun (Hamer & Copeland, 1994). Sungguhpun majoriti masyarakat memandang hina hubungan homoseksual, tetapi terdapat sebilangan masyarakat yang menerima hubungan sonsang ini. Dalam beberapa komuniti kecil, homoseksualiti di anggap sebagai normal dalam kehidupan atau satu bakat istimewa atau anugerah daripada tuhan (Hamer & Copeland, 1994; Whitehead & Whitehead, 2013). Dalam klasik Greek, homoseksualiti mendapat pengiktirafan sosial sebagai bentuk hubungan cinta yang boleh diterima di antara lelaki normal, dan bentuk hubungan homoseksual ini adalah di antara lelaki muda belia dengan lelaki agak berumur yang boleh memberi contoh yang baik (West, 2008). Walau bagaimanapun, bentuk hubungan homoseksual yang diterima dalam budaya Greek hanya di antara lelaki muda dan lelaki umur pertengahan sahaja, menurut Whitehead & Whitehead (1999) hubungan homoseksual di antara lelaki dewasa tidak diterima dan dianggap hina. Whitehead & Whitehead (1999) menamakan hubungan